

Tadbir Urus Universiti Awam di Malaysia Pascapindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 2009

(Governance of Public Universities in Malaysia Post Amendments to Universities and University Colleges Act 2009)

SUHARMI ISMAIL
NURULHUDA ADABIAH MUSTAFA
FARIDAH JALIL

ABSTRAK

Kerajaan telah mengambil langkah progresif apabila membawa cadangan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] ke Parlimen pada akhir tahun 2008 yang kemudiannya diluluskan dan dikuatkuasakan pada 1 Februari 2009. Kajian ini bertujuan meneliti perubahan-perubahan yang dibawa oleh pindaan Akta 30 tersebut dan kesannya kepada tadbir urus universiti awam hingga ke hari ini. Kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan kaedah kajian perundangan dengan reka bentuk sejarah perundangan dan perbandingan melalui pendekatan kajian perpustakaan. Dapatkan menunjukkan bahawa pindaan Akta 30 tahun 2009 telah membawa perubahan yang signifikan kepada tadbir urus dan autonomi universiti serta kebijakan dan hak asasi pekerja dan pelajar universiti. Kajian ini akan membolehkan masyarakat mengetahui evolusi perubahan dasar kerajaan dalam sektor pendidikan tinggi, dan boleh menjadi sumber rujukan kepada pentadbir dan pembuat dasar bagi menambah baik tadbir urus dan autonomi universiti awam sedia ada.

Kata kunci: Tadbir urus universiti; autonomi; kebebasan akademik; universiti awam; pelajar

ABSTRACT

The Malaysian Government has taken progressive action to bring a motion to table the amendment to the Universities and University Colleges Act [Act 30] to Parliament in 2008 which was approved and enforced on 1 February 2009. This study aims to examine the changes which were brought by that 2009's amendment and her impact on the governance of the public university till today. This is a qualitative study that applies legal research methodology with historical and comparative approach through library-based research technique. The finding shows that the 2009's amendment has caused significant changes to the governance and autonomy of the university, as well as the welfare and rights of the employee and students of the university. This study will enable the public to know the evolution of the Malaysian government's policy change in higher education sector, and as reference to the administrator and policy maker to enhance the current governance and autonomy of the public university.

Keywords: University governance; autonomy; academic freedom; public university; students

PENDAHULUAN

Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] telah digubal dengan tujuan menyediakan kerangka perundangan untuk menubuh, mentadbir dan menyelenggara universiti dan kolej universiti awam di Malaysia. Namun, penguatkuasaan Akta 30 tidak mencakupi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) memandangkan ketiga-tiga jenis institusi pendidikan tinggi (IPT) tersebut dikawal

selia oleh akta yang berbeza. UIAM ditadbir menggunakan Akta Syarikat 1965 [Akta 125] (kemudiannya Akta Syarikat 2016 [Akta 177]) dan Perlembagaan UIAM, UiTM tertakluk kepada Akta UiTM 1976 [Akta 173] dan IPTS ditadbir melalui Akta IPTS 1996 [Akta 555].¹ IPTS diiktiraf sebagai salah satu penyedia pendidikan tinggi pada tahun 1996 menerusi penguatkuasaan Akta 555 dan pindaan kepada Akta 30 dan Akta Pelajaran 1961. Sebelum itu, universiti awam merupakan penyedia utama

pendidikan tinggi negara di bawah seliaan kerajaan.²

Dari aspek disiplin pekerja pula, pensyarah universiti awam, kecuali UIAM, tertakluk kepada Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]. Pekerja UIAM dan IPTS pula masing-masing tertakluk kepada Akta 125 (kemudiannya digantikan oleh Akta 177 pada tahun 2016) dan Perlembagaan UIAM, dan Akta 555. Sementara itu, Akta 30 turut menggariskan perkara berkaitan tatatertib pelajar universiti awam, kecuali pelajar UIAM dan UiTM yang mempunyai peraturan berbeza. Pelajar UIAM tertakluk kepada peraturan dalaman yang dibuat oleh Pihak Berkusa Universiti iaitu *Students' Discipline Rules 2004 (Amendment 2006)*. Manakala pelajar UiTM tertakluk kepada Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 [Akta 174]. Ironinya, Akta 174 turut terpakai kepada pelajar politeknik dan kolej komuniti. Tatatertib pelajar IPTS pula tertakluk kepada Akta 555.³

PELAN STRATEGIK PENGAJIAN TINGGI NEGARA

Sejak dikuatkuasakan pada tahun 1971, Akta 30 telah mengalami proses pindaan sebanyak enam kali iaitu pada tahun 1971, 1975, 1983, 1996, 2009, 2012 dan 2019.⁴ Pindaan pada tahun 1996 dibuat selaras dengan pelaksanaan dasar pengkorporatan universiti awam dan penswastaan pendidikan tinggi bertujuan, antara lain bagi mengelakkan berlakunya perhijrahan cendekiawan (*brain drain*) di Malaysia dan mengurangkan kebergantungan kepada peruntukan kewangan kerajaan.⁵ Pindaan pada tahun 2009 pula bertujuan menambah baik tadbir urus dan autonomi universiti dengan mengambil kira perkembangan yang berlaku di peringkat global dan bagi memacu Malaysia sebagai pusat kecemerlangan peringkat serantau dan antarabangsa.⁶

Gerak kerja untuk meminda Akta 30 telah bermula seawal tahun 2005 di

mana Jawatankuasa Mengkaji, Menyemak Dan Membuat Perakuan Tentang Perkembangan Dan Hala Tuju Pendidikan Tinggi Malaysia telah membuat perakuan, antara lain, supaya kerajaan mengkaji dan menyemak undang-undang berkaitan pendidikan tinggi, bahkan dicadangkan supaya satu akta bersepodu yang merangkumi semua institusi pendidikan termasuk politeknik, kolej komuniti dan agensi berkaitan pendidikan tinggi digubal. Jawatankuasa turut memperakukan Lembaga Pengarah Universiti (LPU)⁷ sebagai pengawal autonomi universiti.⁷ Laporan Jawatankuasa ini telah menjadi asas pembentukan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang dilancarkan secara rasmi oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Ogos 2007.⁸

Pelan tersebut menyatakan bahawa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menubuhkan beberapa jawatankuasa untuk mengkaji dan menggubal beberapa perundangan mengenai sistem pengajian tinggi di Malaysia.⁹ Jawatankuasa yang ditugaskan untuk menyemak dan meminda Akta 30, sebagai contoh, telah mengadakan sesi konsultasi yang menyeluruh yang melibatkan pelbagai kumpulan pihak berkepentingan seperti Ahli Parlimen, pegawai kanan KPT, Pengurus LPU, Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, persatuan akademik dan persatuan pelajar.¹⁰

AKTA PENGAJIAN TINGGI NEGARA

Selain meminda Akta 30 dan Akta 555, KPT juga komited untuk menggubal akta baharu yang dinamakan sebagai Akta Pengajian Tinggi Negara. PSPTN turut menggariskan fungsi KPT yang akan beralih daripada pengawal selia undang-undang (*regulator*) kepada pemudah cara (*facilitator*). Perkara ini dinyatakan dengan jelas di bawah Bab 9 PSPTN Mengukuhkan Sistem Penyampaian KPT.¹¹ Bab 6 PSPTN pula memperkatakan berkenaan komitmen KPT untuk memperkasakan IPT melalui pemantapan

struktur tadbir urus IPT, antaranya memperjelas peranan LPU, Senat dan Naib Canselor melalui pindaan Akta 30 dan juga menambahbaik proses pelantikan Naib Canselor melalui Jawatankuasa Carian (*Search Committee*).¹²

KPT juga telah menyediakan Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara 2007-2010 di mana pemantapan tadbir urus merupakan tonggak bagi mengukuhkan institusi. LPU digesa mengadaptasi prinsip pentadbiran korporat yang baik sebagaimana diamalkan di sektor korporat dan perlu bergerak seiring dengan pengurusan universiti bagi menentukan hala tuju strategik universiti.¹³ Pindaan Akta 30 telah dibentangkan oleh Menteri Pengajian Tinggi dan diluluskan oleh Parlimen pada akhir tahun 2008 dan dikuatkuasakan pada 1 Februari 2009.¹⁴ Pindaan tersebut memberi penekanan kepada tiga (3) aspek utama iaitu tadbir urus universiti; kebijakan dan hak asasi pekerja universiti; dan kebijakan dan hak asasi pelajar universiti.¹⁵ KPT ketika itu juga telah menggubal Rang Undang-Undang Pengajian Tinggi Negara (RUPTN) bagi menyelaras akta-akta berkaitan pengajian tinggi, namun sehingga kini belum dibentangkan di Parlimen.¹⁶

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan kaedah kajian perundangan dengan reka bentuk sejarah perundangan melalui pendekatan kajian perpustakaan. Kajian ini telah merujuk dan mengkaji Akta 30 sebelum dan selepas pindaan tahun 2009 bagi mengetahui evolusi perubahan dasar kerajaan berkaitan pentadbiran universiti awam di Malaysia. Kajian sejarah perundangan dilaksanakan dengan membuat penelitian kepada penyata rasmi parlimen bagi mengenal pasti bagaimana dan kenapa sesuatu undang-undang dibuat oleh Parlimen. Analisa dan penelitian yang dibuat seterusnya dinilai dan ditaksir dengan

mengambil kira penulisan-penulisan terdahulu sebelum merumuskan hasil kajian.

TADBIR URUS UNIVERSITI

Terdapat banyak hasil kajian berhubung tadbir urus. Antaranya, berkenaan perkataan tadbir urus yang biasanya digunakan untuk memperihalkan struktur, proses dan aktiviti yang terlibat dalam perancangan dan hala tuju institusi pendidikan tinggi.¹⁷ Tadbir urus universiti boleh dikategorikan kepada dua iaitu tadbir urus dalam dan tadbir urus luaran. Tadbir urus perlu dilihat dalam konteks lebih luas termasuklah hubungan antara universiti dengan kerajaan.¹⁸

Tadbir urus universiti juga boleh dilihat dalam konteks suatu proses politik iaitu perkongsian kuasa antara pelbagai pemegang taruh atau kumpulan berkepentingan yang mempunyai matlamat dan nilai yang berbeza. Universiti adalah suatu sistem yang hidup. Kerajaan boleh menuntut pemilikan dan mengawal universiti awam, namun universiti sebenarnya dimiliki oleh masyarakat awam yang menampung perbelanjaan universiti melalui pembayaran cukai. Pihak pengurusan universiti boleh mengawal sumber tetapi ahli akademik mengawal program pengajian, kesarjanaan, penyelidikan dan prestij. Kerajaan boleh mengawal selia pelajar, tetapi pelajar boleh menunjukkan ketidakpuasan hati melalui pelbagai cara.¹⁹

PINDAAN AKTA 30 TAHUN 2009

Akta 30 adalah kerangka perundangan yang menetapkan sistem tadbir urus universiti awam di Malaysia. Akta tersebut memberi kuasa kepada kerajaan dalam aspek berkaitan enrolmen pelajar, pelantikan kakitangan, program pengajian dan kewangan.²⁰ Pindaan Akta 30 tahun 2009 memberi penekanan kepada lapan (8) prinsip dengan tujuan memantapkan tadbir urus universiti iaitu (i) membudayakan

proses perundingan secara demokrasi; (ii) menggalakkan keterbukaan, ketelusan dan akauntabiliti; (iii) menambah baik autonomi kepada universiti; (iv) memantap dan memperinci fungsi dan kuasa pihak berkuasa universiti, antaranya LPU, Senat dan Naib Canselor; (v) menyediakan mekanisme bagi menyelesaikan pertikaian antara pihak berkuasa universiti; (vi) menggalakkan penyelidikan, inovasi dan pengkomersilan melalui perkongsian kepintaran; dan (vii) memantapkan dasar pengantarabangsaan pendidikan tinggi.²¹

PELANTIKAN NAIB CANSELOR SECARA DEMOKRASI

Menerusi pindaan ini, KPT komited untuk menjadikan proses rundingan secara demokrasi menjadi asas kepada pelantikan pegawai utama universiti khususnya Naib Canselor. Jika sebelum pindaan, Menteri mempunyai kuasa mutlak untuk melantik mana-mana orang sebagai Naib Canselor universiti, sebaliknya perubahan yang dibawa ini menetapkan suatu proses pelantikan yang menghendaki Menteri menubuhkan suatu jawatankuasa pemilih dan selepas Menteri berunding dengan LPU.²²

Meskipun demikian, masih terdapat sedikit kelemahan kerana kuasa untuk melantik masih menjadi hak istimewa Menteri dan beliau tidak terikat dengan sebarang cadangan oleh jawatankuasa pemilih dan LPU. Fungsi jawatankuasa adalah untuk menasihati Menteri sahaja. Namun, melalui proses pemilihan tersebut, terdapat lebih ruang untuk Menteri mendapat lebih ramai calon berwibawa dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan bagi mengisi jawatan Naib Canselor.²³ Pengisian jawatan Naib Canselor amat penting kerana ia boleh mempengaruhi produktiviti dan tahap kecekapan sesebuah universiti. Pentadbiran akan menjadi lebih efektif dan efisien sekiranya sesuatu jawatan yang berkenaan diisi oleh seseorang yang betul-betul berkelayakan.²⁴

PEMILIHAN KEANGGOTAAN SENAT DAN DEKAN

Pemilihan keanggotaan Senat dan pelantikan Dekan merupakan isu yang diberi perhatian oleh pindaan tersebut. Jika sebelum ini terdapat ahli Senat yang dilantik oleh Naib Canselor, perubahan ini menetapkan bahawa pemilihan keanggotaan Senat dari kalangan profesor seramai 20 orang akan dipilih dari kalangan rakan sejawat mereka yang terdiri daripada profesor dan profesor madya.²⁵ Perubahan ini membolehkan perbahasan di dalam Senat lebih berkualiti, telus dan tidak terikat dengan arahan pihak atasan.

Manakala pelantikan dekan dan ketua sekolah, institut, pusat dan akademi pula perlu melalui proses perundingan dengan kakitangan akademik di setiap fakulti, sekolah, institut, pusat atau akademi.²⁶ Proses perundingan ini membolehkan universiti mengenal pasti calon yang berkelayakan, berwibawa dan diterima oleh rakan sejawat. Universiti Utara Malaysia (UUM), sebagai contoh, telah melaksanakan pelantikan dekan pada tahun 2011 menerusi pencalonan daripada kalangan kakitangan akademik yang dibuat menerusi sistem komputer.²⁷

PENAMBAHBAIKAN TERHADAP AUTONOMI UNIVERSITI

Pindaan tahun 2009 ini turut menambah baik autonomi universiti yang sedia ada di mana terdapat beberapa kuasa daripada Yang di-Pertuan Agong dan Menteri Pengajian Tinggi dipindahkan kepada Pihak Berkuasa Universiti khususnya LPU, Senat dan Naib Canselor. Antaranya, kuasa penubuhan fakulti dan jabatan telah dipindahkan daripada Yang di-Pertuan Agong kepada Senat. Perubahan ini mengiktiraf Senat sebagai badan akademik utama di universiti. Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar ditubuhkan oleh LPU dan diberi kuasa untuk memutuskan kes rayuan tatatertib pelajar. Ini diharapkan dapat mempercepatkan proses

penyelesaian sesuatu rayuan berbanding sebelum ini di mana kuasa tersebut diberikan kepada Menteri. Naib Canselor juga diberikan kuasa untuk menentukan kelulusan permohonan memungut wang oleh pelajar yang sebelum ini dipegang oleh Menteri.²⁸

Perkara penting yang dibawa oleh pindaan tersebut adalah menetapkan perincian pembahagian kuasa antara tiga (3) watak utama di universiti iaitu LPU, Senat dan Naib Canselor supaya lebih jelas dan tidak mendatangkan pertelingkahan. LPU diberikan kuasa sebagai badan yang mengelola, membuat dasar dan mengawasi bagi universiti, Senat diiktiraf sebagai badan akademik utama di universiti dan Naib Canselor dipertanggungjawabkan sebagai ketua pegawai eksekutif universiti yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran, akademik dan pengurusan universiti secara keseluruhan. Sekiranya terdapat pertikaian berkenaan fungsi dan kuasa di kalangan Pihak Berkuasa Universiti atau pegawai universiti, hendaklah dirujuk kepada Menteri dan beliau boleh memutuskan sendiri pertikaian tersebut atau menubuhkan satu Panel Penyelesai Pertikaian bagi memutuskan pertikaian tersebut.²⁹

Pindaan Akta 30 juga menyebabkan pertambahan ahli LPU daripada lapan (8) orang kepada sebelas (11) orang. Menariknya, seorang profesor yang dipilih oleh Senat dimasukkan sebagai ahli LPU. Selain itu, wakil swasta yang dahulunya seorang ditambah kepada tiga (3) orang supaya meningkatkan hubungan kerjasama antara universiti dengan sektor swasta. Di samping itu, seorang wakil alumni universiti turut dimasukkan sebagai ahli LPU. Pindaan turut menetapkan dengan jelas bahawa Pendaftar akan bertindak sebagai Setiausaha LPU dan LPU juga diberi kuasa untuk melantik Penasihat Undang-undang (PUU) bagi universiti. Pelantikan PUU amat penting bagi menjaga kepentingan universiti terjamin memandangkan isu-isu perundangan universiti semakin kompleks, antaranya hal

berkaitan hak-hak harta intelek, rundingan persefahaman dan perjanjian dengan pihak luar dan penubuhan kampus di luar negara, serta hak-hak pelajar dan pekerja universiti.³⁰

ISU PELAKSANAAN PINDAAN AKTA 30 TAHUN 2009

Meskipun demikian, terdapat isu pelaksanaan terhadap pindaan kepada Akta 30. Pindaan tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna selagimana perundangan subsidiari universiti seperti perlembagaan dan kaedah tatatertib pelajar tidak dipinda. Sebagai contoh, dalam kes *Universiti Teknikal Malaysia Melaka lwn. Prof Madya Md Noah Bin Jamal* [2014] 4 MLJ 451; [2014] 8 CLJ 1034,³¹ mahkamah masih merujuk kepada seksyen 22(4) Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang asal, iaitu sebelum pindaan Akta 30 tahun 2009.

Sebagai perbandingan, seksyen 18(3) Akta 30 memperuntukkan bahawa “*Naib Canselor hendaklah, selepas berunding dengan kakitangan akademik setiap Fakulti, melantik seorang Dekan bagi tiap-tiap satu Fakulti dan sekurang-kurangnya seorang Timbalan Dekan*”. Seksyen 22(4) Perlembagaan UTeM pula memperuntukkan bahawa “*Naib Canselor hendaklah melantik seorang Dekan bagi setiap Fakulti dan Sekolah dan sekurang-kurangnya seorang Timbalan Dekan*”. Perundingan merupakan pra-syarat baharu yang ditambah dalam proses pelantikan Dekan. Justeru, terdapat keperluan mendesak untuk memastikan Perlembagaan Universiti dipinda sebaik sahaja Akta 30 dipinda. Jika tidak, sebarang pindaan kepada Akta 30 tidak akan memberi kesan kepada pentadbiran universiti.

Kedudukan Kaedah-Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 (“Kaedah 1999”) yang dibuat berdasarkan peruntukan lama Akta 30 dibincangkan dalam kes *Adam Adli Abdul Halim lwn.*

Jawatankuasa Rayuan Tatatertib & Satu Lagi [2013] 1 LNS 877.³² Mahkamah berpendapat, “apabila seksyen 16B itu dipinda dan digantikan dengan peruntukan baru yang sedia ada kini, peruntukan-peruntukan di bawah Kaedah 1999 yang konsisten dengan peruntukan baru seksyen 16B itu adalah kekal, sementara peruntukan-peruntukan yang tidak konsisten seperti kaedah 67 dan 68 adalah dianggap terhenti kewujudannya”.

Mahkamah seterusnya merumuskan bahawa walaupun Kaedah 1999 tidak mengandungi peruntukan seperti yang terkandung di dalam subseksyen baru (5) hingga (12) kepada seksyen 16B, peruntukan baru itu tidak menjadikan Kaedah 1999 tidak konsisten dengan Akta 30. Mahkamah juga merujuk kepada seksyen 28 Akta Interpretasi 1948 dan 1967 [Akta 388] dan merumuskan bahawa peruntukan-peruntukan di bawah Kaedah 1999 yang konsisten dengan peruntukan baru seksyen 16B adalah kekal, sementara peruntukan yang tidak konsisten seperti kaedah 67 dan 68 dianggap terhenti kewujudannya. Mahkamah juga berpendapat dengan ketiadaan peruntukan baru bagi menggantikan kaedah 67 dan 68, tidak menjadikan Kaedah 1999 tidak konsisten dengan Akta 30, malahan peruntukan baru seksyen 16B boleh digunakan kerana ia adalah Akta ibu. Mahkamah pada 26 April 2013 memutuskan bahawa Kaedah 1999 tidak *ultra vires* dengan Akta 30.

Meskipun demikian, bagi mengelakkan kecelaruan dalam pelaksanaan, disarankan tindakan segera perlu diambil untuk meminda perundangan subsidiari bagi membolehkan pelaksanaan terhadap pindaan Akta 30 dapat berjalan lancar sebagaimana dihasratkan oleh kerajaan dan Parlimen. Pandangan ini adalah bersandarkan kepada keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes *Mohd Izwan Bin Zaini v. Jawatankuasa Tatatertib Pelajar UniMAP & Universiti Malaysia Perlis* (Semakan Kehakiman No: R1-25-109-05/2012)³³ pada 13 Februari 2013

yang memutuskan bahawa Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Perlis (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 (“Kaedah 2009”) adalah *ultra vires* dengan subseksyen 16B (4), (5), (6), (7), (8), (9), (10), (11) dan (12) Akta 30. Dalam kes tersebut, pemohon adalah pelajar Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan pada 17 April 2012, beliau telah dikenakan hukuman tatatertib di bawah Kaedah 2009. Mahkamah mendapati terdapat perbezaan ketara antara peruntukan Kaedah 2009 dengan Akta 30 dari segi badan yang mendengar kes tatatertib dan prosedur rayuan tatatertib. Kaedah 2009 dibuat di bawah seksyen 16C Akta 30. Mahkamah telah merujuk kepada kes *Ghazali v. Public Prosecutor* [1964] 1 MLJ 156³⁴ yang memutuskan tiada kaedah, peraturan atau undang-undang kecil yang boleh dibuat mengatasi Enakmen di mana undang-undang tersebut dibuat.

Pihak kerajaan ada kalanya amat optimistik untuk memberi autonomi kepada universiti dalam erti kata universiti tersebut diberi kebebasan untuk mentadbir sendiri, boleh menguruskan kewangan, menjana pendapatan, dan berupaya menguruskan hal bersangkutan dengan sumber manusia dan pengambilan pelajar tanpa pengaruh dan campur tangan pihak luar.³⁵ Namun demikian, autonomi yang dimaksudkan tersebut belum boleh dilaksanakan sepenuhnya kerana universiti awam ketika ini masih terikat dengan pelbagai peraturan dan pekeliling kerajaan khususnya berkaitan sumber manusia dan kewangan.

KEBAJIKAN DAN HAK ASASI PEKERJA

Pindaan Akta 30 tahun 2009 turut membuka ruang kepada mana-mana pekerja universiti yang terkilan atau tidak berpuas hati dalam urusan pelantikan atau kenaikan pangkat untuk membuat rayuan kepada LPU. Pindaan juga menghendaki persetujuan seseorang pekerja diperoleh sebelum peminjaman atau perpindahan

perkhidmatan ke universiti atau institusi lain. Pihak yang menerima bertanggungjawab membuat apa-apa bayaran tuntutan yang berbangkit daripada peminjaman atau pertukaran tersebut.

PENUBUHAN JAWATANKUASA KEBAJIKAN PEKERJA

Selain itu, seksyen baru 20A diperkenalkan untuk mewujudkan Jawatankuasa Kebajikan Pekerja (JKP) dengan tujuan memastikan kebijakan pekerja terpelihara. Wakil daripada setiap kesatuan atau persatuan pekerja universiti yang berdaftar akan menganggotai JKP.³⁶ Namun begitu, fungsi JKP dikatakan bertindih dengan fungsi Majlis Bersama Jabatan (MBJ) yang telah diwujudkan lebih awal oleh kerajaan menerusi Pekeliling Perkhidmatan Bil. 02/1992 Penyusunan Semula Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-Pekerja Dalam Sektor Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam³⁷ dan diperincikan oleh Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 03/2002 Majlis Bersama Jabatan Di Kementerian/Jabatan/Pihak Berkuasa Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan.³⁸ Jika diteliti kepada fungsi dan keanggotaan JKP dan MBJ tersebut, didapati MBJ lebih menyeluruh dan pihak pekerja diberikan hak untuk menjawat jawatan sebagai Naib Pengerusi MBJ, berbanding JKP yang dipengerusikan oleh ahli LPU dan tiada keperluan untuk melantik seorang Naib Pengerusi dari kalangan wakil pekerja. JKP kemudianya telah dimansuhkan pada tahun 2012.³⁹

Dihujahkan bahawa JKP tersebut wajar dikekalkan dengan penambahbaikan yang bersesuaian kerana penubuhannya adalah di bawah Akta Parliment manakala MBJ hanyalah menerusi Pekeliling Perkhidmatan Bil. 02/1992 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 03/2002. Seksyen 20A Akta 30 boleh dipinda bagi membolehkan pelantikan Naib Pengerusi dari kalangan wakil pekerja dan universiti juga boleh membuat Statut berhubung kuasa yang seharusnya dimiliki oleh JKP.

Pakar perundangan, Faruqi (2008, 2011); Faruqi (2019) berpendapat bahawa sebarang arahan pentadbiran terhadap universiti daripada perkhidmatan awam seperti pekeliling tidak mengikat universiti kerana tidak mempunyai asas perundangan, bahkan ia semata-mata berdasarkan kepada amalan dan tradisi sahaja. Tambahan pula, universiti adalah sebuah badan berkanun dan bukannya agensi kerajaan. Sebagai sebuah badan berkanun, universiti diiktiraf sebagai suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun temurun dan mempunyai kuasa tertentu seperti yang ditetapkan oleh perlembagannya.⁴⁰ Pegawai dan pensyarah universiti juga bukanlah penjawat awam menurut Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan kerana mereka dilantik oleh pihak universiti sendiri dan bukannya oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan di bawah Perkara 141A Perlembagaan Persekutuan. Perkara ini diputuskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Universiti Teknikal Malaysia Melaka lwn. Prof Madya Md Noah Bin Jamal* [2014] 4 MLJ 451; [2014] 8 CLJ 1034.⁴¹

Keputusan mahkamah yang menyatakan bahawa pegawai badan berkanun dan pekerja universiti bukanlah seorang penjawat awam telah diputuskan dalam beberapa kes sebelum itu,⁴² antaranya kes *Ramalingam S/O Muthusamy v. Chong Kim Fong; Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan Garnishees* [1978] 1 MLJ 83⁴³ di mana pegawai Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), sebuah badan berkanun telah diisyiharkan di luar definisi penjawat awam. Begitu juga dalam kes *Sulaiman Mat Tekor & Ors. v. National Population and Family Development Board* [2009] 7 MLJ 325; [2008] 10 CLJ 581⁴⁴ di mana mahkamah memutuskan bahawa pekerja badan berkanun bukanlah penjawat awam di bawah Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan. Kes yang lain adalah *Dr. Chandra Muzaffar v. Universiti Malaya* [2002] 5 MLJ 369; [2002] 2 CLJ 448⁴⁵ dan *Dr. Che Wan Fadhil Che Wan Putra &*

Yang Lain lwn. Universiti Teknologi Malaysia [2010] 8 CLJ 845; [2010] 9 MLJ 736,⁴⁶ di mana mahkamah memutuskan bahawa pekerja universiti bukanlah termasuk dalam definisi penjawat awam. Namun, tidak dapat dinafikan bahawa masih terdapat salah faham di kalangan masyarakat yang beranggapan kakitangan universiti awam juga adalah seorang penjawat awam.

PEMANSUHAN PERUNTUKAN BERKAITAN DISIPLIN PEKERJA UNIVERSITI

Pindaan Akta 30 tahun 2009 juga telah memansuhkan beberapa peruntukan berkaitan dengan disiplin pekerja universiti, khususnya seksyen 16A Akta 30. Ini adalah kerana mulai pada 1 November 2000, urusan disiplin bagi semua badan berkanun persekutuan termasuk universiti awam adalah tertakluk kepada Akta 605. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) merupakan agensi pusat yang menjadi pengawal kepada Akta 605.⁴⁷ Dalam kes *Universiti Utara Malaysia v. Mutiara Bt Mohamad & Ors.* [2011] 1 LNS 901; [2011] 9 MLJ 655; [2012] 2 CLJ 378,⁴⁸ antara isu yang menjadi pertikaian adalah apakah undang-undang yang perlu digunakan dalam prosiding tata tertib melibatkan pensyarah Universiti Utara Malaya (UUM), sama ada Akta 605 atau Akta 30. Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa UUM adalah sebuah badan berkanun dan oleh itu tertakluk kepada Akta 605. Perkara ini jelas diperuntukkan di bawah seksyen 28 Akta 605 yang membatalkan peruntukan undang-undang tubuh badan berkanun dalam perkara berkaitan tata tertib. Justeru, seksyen 16A Akta 30 tidak lagi berkuat kuasa dan dianggap terhenti kewujudannya apabila Akta 605 berkuat kuasa pada 1 November 2000, lebih awal daripada pemansuhan seksyen 16A Akta 30 pada tahun 2009. Oleh itu, pemansuhan seksyen 16A Akta 30 pada tahun 2009 tidak mendatangkan

apa-apa kesan perundangan, bahkan lebih kepada penyelarasan sahaja.

Selain itu, jika diperhatikan kepada Akta 605, sesebuah badan berkanun seperti universiti awam boleh dikecualikan daripada pemakaian akta tersebut jika mendapat persetujuan daripada Perdana Menteri. Perkara ini boleh berlaku jika universiti awam termasuk dalam senarai badan berkanun yang diasingkan saraan seperti di Jadual Pertama Akta 605, antaranya Bank Negara Malaysia (BNM), Lembaga Kumpulan Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Lembaga Tabung Haji (LTH), Pertubuhan Keselamatan Sosial (SOCSO), Bank Simpanan Nasional (BSN), Suruhanjaya Sekuriti dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).⁴⁹

Namun, isunya adalah sama ada kerajaan bersedia untuk menaik taraf universiti awam sebagai sebuah badan berkanun yang diasingkan saraan. Jika diperhatikan kepada *core business* badan-badan berkanun di dalam Jadual Pertama Akta 605 tersebut, didapati badan-badan berkanun tersebut mampu menjana pendapatan sendiri tanpa bergantung kepada peruntukan kewangan kerajaan. Justeru, pihak universiti awam juga perlu membuat penilaian menentukan keupayaan untuk beroperasi tanpa menerima peruntukan daripada kerajaan.

KEBEbasAN AKADEMIK

Jika diperhatikan kepada pindaan Akta 30 tahun 2009 tersebut, didapati tiada perubahan yang signifikan kepada kebebasan akademik yang sepatutnya dimiliki oleh ahli akademik. Ini adalah kerana Akta 605 khususnya Jadual Kedua Akta 605, Bahagian II, Peraturan 18 dan 20 secara spesifik menyekat kebebasan ahli akademik untuk membuat pernyataan awam dan terlibat dalam parti politik. Peraturan 18, antara lain menyebut seorang pegawai tidak boleh membuat apa-apa

pernyataan awam yang boleh memudarangkan dasar, rancangan atau keputusan badan berkanun atau kerajaan tentang apa-apa isu. Pegawai juga tidak boleh membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memalukan atau memburukkan nama badan berkanun atau kerajaan. Pegawai juga dilarang daripada membuat apa-apa ulasan tentang kelemahan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan badan berkanun atau kerajaan. Larangan juga dikenakan kepada pegawai yang ingin membuat apa-apa ulasan tentang kelebihan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan badan berkanun atau kerajaan, melainkan jika pegawai tersebut mendapat kelulusan Menteri terlebih dahulu.

Dihujahkan bahawa larangan ini tidak sesuai dalam konteks ahli akademik yang tugasnya antara lain untuk membuat penyelidikan, penerbitan dan menyampaikan sebarang penemuan ilmu dan fakta yang diperolehi kepada pelajar dan masyarakat. Sekalipun ingin dikenakan sekatan, harus dibuat di peringkat dalaman universiti, sama ada oleh LPU atau Naib Canselor.

PENGLIBATAN POLITIK

Peraturan 20 pula melarang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi atau Kumpulan Pengurusan dan Profesional mengambil bahagian aktif dalam aktiviti politik. Pegawai dilarang daripada membuat apa-apa pernyataan awam yang memberikan pandangan yang berat sebelah tentang apa-apa perkara yang menjadi isu antara parti politik, bertanding untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik atau memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik. Ironinya, kerajaan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 09/2010 telah memberi kebenaran kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41 hingga DG48 yang bertugas di institusi pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mengambil bahagian secara aktif dalam suatu parti

politik tertakluk kepada kelulusan Ketua Setiausaha KPM. Kebenaran tersebut tidak dipanjangkan kepada pegawai yang memegang jawatan Pengetua atau Guru Besar atau apa-apa jawatan pentadbiran.⁵⁰

Kekangan oleh dasar kerajaan mengenai penglibatan politik ahli akademik yang berkhidmat di universiti tidak konsisten dengan kebenaran yang diberikan kepada guru-guru di peringkat sekolah dan institusi pendidikan yang sememangnya termasuk dalam kategori penjawat awam di bawah Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan. Sebaliknya, ahli akademik di peringkat universiti perlu diberi lebih kebebasan akademik kerana universiti tidak termasuk dalam kategori perkhidmatan awam di bawah Perkara 132 tersebut.

KATEGORI KEBEBASAN AKADEMIK

Penulisan terdahulu mengkategorikan konsep kebebasan akademik kepada dua bahagian. Pertama, kebebasan institusi di mana universiti mestilah berautonomi dan berakauntabiliti. Universiti perlu diberi kebebasan untuk membuat keputusan dalam perkara berkaitan pelantikan pemimpin akademik dan kakitangan bukan akademik, pemilihan pelajar dan pengenalan program pengajian baharu. Kedua, kebebasan individu, di mana ahli akademik di beri kebebasan untuk mengajar berdasarkan bidang kepakarannya, kebebasan untuk memberikan pendapat, berpersatuan dan membuat penerbitan, meskipun mungkin bercanggah dengan pandangan rakan sejawat, pemimpin universiti dan penjawat awam. Begitu juga kebebasan kepada pelajar untuk menyampaikan pandangan dan buah fikiran tanpa sebarang kekangan dan gangguan.⁵¹

Perkara bersangkutan dengan kebebasan akademik pernah dibincangkan di Parlimen. Antaranya, Menteri Pelajaran, Tuan Hussein bin Dato' Onn (ketika itu) semasa membentangkan Rang Undang-Undang Universiti dan Kolej Universiti

1971 di Parlimen telah menekankan bahawa kebebasan akademik yang dimaksudkan oleh pihak kerajaan bukanlah kebebasan yang bersifat mutlak. Terdapat banyak faktor yang perlu diambil kira terutamanya dalam memenuhi aspirasi kerajaan, lebih-lebih lagi universiti yang mengharapkan dana kewangan daripada pihak kerajaan. Sekalipun universiti tidak lagi menerima peruntukan kewangan daripada kerajaan, adalah suatu perkara penting untuk universiti mengambil kira kepentingan penyumbang dana.⁵² Kebebasan akademik mungkin diberikan secara mutlak di negara-negara Barat memandangkan masyarakat mereka tidak mudah melatah dengan isu-isu perkauman maupun keagamaan. Pensyarah bebas mengajar dan menulis apa-apa perkara dalam bidang kepakaran masing-masing. Namun di Malaysia, kebebasan akademik adalah terhad dan tertakluk kepada undang-undang tertentu, demi kepentingan awam.⁵³

Seterusnya, Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir bin Mohamed (ketika itu), semasa membentangkan Rang Undang-Undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975 di Parlimen menyebut bahawa kebebasan akademik yang dimaksudkan kerajaan ialah kebebasan untuk menuntut ilmu dan kebebasan untuk mengikuti apa jua jurusan pengajian tanpa sekatan oleh faktor-faktor selain akademik. Kebebasan akademik tidak bermaksud ahli akademik mempunyai imuniti dan boleh terlepas daripada tindakan undang-undang. Dalam erti kata lain, undang-undang yang terpakai kepada masyarakat awam turut terpakai kepada ahli akademik.⁵⁴

KONSEP KEBEBASAN

Adalah dipersetujui bahawa kebebasan yang diberi tidak harus bersifat mutlak dan perlu tertakluk kepada batas-batas tertentu sepertimana yang digariskan oleh Hakim Raja Azlan Shah dalam kes *Public Prosecutor v. Ooi Kee Saik & Ors.* [1971] 2 MLJ 108⁵⁵ iaitu kebebasan yang

diberikan perlu ada kawalan bagi mengelakkan salahguna kuasa dan kacau bilau. Selain itu, kebebasan juga tertakluk kepada syarat-syarat yang munasabah dalam memastikan keselamatan, kesihatan, keamanan, ketenteraman awam dan moral masyarakat sentiasa terjaga. Hakim juga menekankan bahawa Perlembagaan Persekutuan sentiasa cuba menyeimbangkan hak-hak individu dengan kawalan sosial dalam masyarakat.⁵⁶ Manakala dalam kes *Lau Dak Kee v. Public Prosecutor* [1976] 2 MLJ 229,⁵⁷ Hakim Mohamed Azmi menyatakan bahawa meskipun Perkara 10(1) Perlembagaan Persekutuan menjamin hak setiap warganegara untuk mendapat kebebasan bersuara, berhimpun dan berpersatuan, hak-hak tersebut adalah tertakluk kepada apa-apa undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen.⁵⁸

Kebebasan berfikir dan mengemukakan pendapat juga dipandang tinggi dalam Islam. Kebebasan berfikir berkait rapat dengan kebebasan berilmu dan berfikir secara ilmiah berkenaan perkara-perkara dan fenomena yang berlaku disekelilingnya. Al-Quran dan Hadis yang merupakan sumber rujukan dalam perundangan Islam turut menitik beratkan soal keperluan untuk berfikir. Kebebasan berpendapat harus dimanfaatkan untuk tujuan menyebarkan kebaikan dan bukannya kejahanatan, menghina orang lain atau menabur fitnah. Islam juga menjamin kebebasan berpolitik di mana salah satu aspek yang diberi perhatian adalah rakyat berhak mengawasi dan membetulkan tindakan pemimpin.⁵⁹

KEBAJIKAN DAN HAK ASASI PELAJAR

KEBEBAKSAN DAN HAK ASASI

Sejak berdekad, hak asasi yang sering dituntut oleh pelajar atau mahasiswa adalah hak dan kebebasan untuk bersuara, berpolitik dan berpersatuan dan bersuara tanpa ganguan daripada pihak universiti

dan kerajaan. Pelbagai memorandum, kertas kerja dan komentar telah dibuat terhadap Akta 30 yang rata-ratanya melihat ia sebagai suatu akta yang menyekat kebebasan dan hak pelajar untuk bersuara, berpersatuan dan bergerak aktif dalam politik. Dalam pada itu, terdapat beberapa kes pelajar yang telah diambil tindakan tatatertib oleh pihak universiti termasuklah diberikan amaran, digantung kuliah dan dibuang universiti. Kes-kes seperti UM8 (melibatkan lapan pelajar Universiti Malaya yang terdiri daripada Fahmi Zainol, Safwan Shamsuddin, Adam Fistivil Wilfrid, Haw Yu Hong, Khairol Najb Hashim, Khairol Anwar, Abraham Au dan Nur Syamini) dan UKM4 (melibatkan empat pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia iaitu Mohammad Hilman Idham, Woon King Chai, Muhammad Ismail Aminuddin dan Azlin Shafina Adza) menjadi perbincangan ramai.⁶⁰ Sebelum itu, perlu difahami apa yang dimaksudkan dengan kebebasan, hak asasi dan kebebasan berpolitik.

Kebebasan adalah sebahagian daripada hak asasi manusia yang bersifat asasi. Hak asasi manusia boleh didefinisikan sebagai sekumpulan hak-hak yang dianggap asas dan penting dan tidak boleh dinafikan. Hak asasi merangkumi aspek jasmani dan rohani dan dianggap wujud sama dengan kewujudan manusia. Hak tersebut bukanlah ihsan daripada kerajaan. Pentafsiran hak asasi manusia boleh berubah mengikut masa, tempat dan juga agama. Dalam konteks Malaysia, Perlembagaan Persekutuan mengandungi peruntukan undang-undang berkaitan hak asasi, antaranya Perkara 10 berhubung hak untuk bersuara dan mengeluarkan fikiran, berhimpun secara aman dan menubuhkan persatuan.⁶¹

Kegiatan berpolitik tidak dapat dipisahkan daripada jiwa setiap individu. Aristotle menyebut, "*Man is by nature a political animal*". Perkataan ini menggambarkan bahawa berpolitik adalah sebahagian daripada lumrah dan aktiviti hidup seorang manusia. Perjuangan untuk

mendapatkan hak berpolitik diterapkan melalui amalan demokrasi yang diertikan sebagai dari rakyat, untuk rakyat dan oleh rakyat. Kebebasan berpolitik pula merujuk kepada hak untuk turut serta dalam proses politik selain daripada menerusi pilihanraya. Kebebasan berpolitik merangkumi kebebasan berucap dan melahirkan perasaan, berhimpun dan berpersatuan serta kebebasan untuk bergabung diri dengan pihak lain. Hak-hak ini dinyatakan di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.⁶²

Menurut Musa (1994), Islam mengiktiraf kebebasan dan hak asasi manusia. Namun, kebebasan dan hak asasi tersebut bukanlah bersifat mutlak bahkan tertakluk kepada sekatan-sekatan tertentu yang ditetapkan oleh undang-undang Islam iaitu undang-undang syariah yang berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah. Antara prinsip yang digunakan ialah semua perkara adalah dibenarkan melainkan ia dikenakan sekatan oleh undang-undang Islam. Islam tidak membuat perbezaan antara kaum, jantina, warna kulit dan bangsa tetapi apa yang penting adalah takwa, iaitu tahap pengabdian kepada Allah. Islam mengkategorikan hak asasi kepada dua kategori utama iaitu hak seorang Islam kepada Allah dan hak kepada sesama manusia. Islam mengiktiraf kebebasan beragama yang merangkumi kebebasan berpolitik, dan kebebasan berfikir dan bersuara. Dalam keadaan tertentu, kebebasan berfikir dan bersuara dikira sebagai wajib khususnya dalam menyampaikan perkara kebenaran dan mendepani pemerintah yang zalim. Islam juga menggunakan pendekatan pematuhan kepada lima prinsip *maqasid al-shariah* iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kebebasan dan hak asasi manusia berpandukan Al-Quran dan As-Sunnah ini sebenarnya telah dilaksanakan pada awal pemerintahan Islam dan perkara ini boleh dirujuk kepada Perlembagaan Madinah yang dianggap perlembagaan bertulis pertama di dunia dan sebelum wujudnya tamadun Barat.⁶³

KEBEASAN BERPERSATUAN

Pindaan Akta 30 tahun 2009 memberi ruang kebebasan kepada pelajar untuk berpersatuan. Dahulunya, pelajar perlu mendapatkan kebenaran daripada Naib Canselor sebelum boleh menganggotai mana-mana persatuan. Selepas pindaan dibuat, pelajar dibenarkan untuk terlibat dengan mana-mana persatuan melainkan parti politik, pertubuhan yang menyalahi undang-undang dan pertubuhan yang ditetapkan oleh Menteri sebagai tidak sesuai dianggotai oleh pelajar. Meskipun diasak oleh pelajar dan parti pembangkang, pihak kerajaan masih bertekad untuk mengekalkan sekatan untuk berpolitik ke atas pelajar atas beberapa alasan.

Pertama, bagi mengelakkan wujudnya polarisasi kaum, ideologi dan agama di kalangan pelajar. Kedua, mengelakkan pelajar terpengaruh dengan mana-mana parti politik yang boleh menjelaskan pengajian pelajar. Ketiga, memandangkan 90% subsidi diberikan kepada pelajar, maka adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk memberi sepenuh tumpuan kepada pengajian. Keempat, meskipun pelajar tidak dibenarkan berpolitik, pelajar masih boleh mempelajari politik. Pelajar boleh membuat kajian dan penulisan ilmiah berkaitan politik dan menjalankan tanggungjawab dalam pilihan raya kampus. Kelima, larangan berpolitik bukan perkara luar biasa kerana penjawat awam dan pekerja badan berkanun termasuk pekerja universiti juga disekat daripada berpolitik. Meskipun terdapat larangan umum untuk berpolitik, akta memberi pengecualian dalam kes-kes tertentu dengan kelulusan Naib Canselor. Sebagai contoh, ahli politik yang mendaftar sebagai pelajar boleh terus bergiat dalam parti tanpa meletakkan jawatan mereka. Begitu juga kebenaran boleh diberikan kepada pelajar matang.⁶⁴

KEBEASAN BERSUARA

Pindaan Akta tersebut juga memberi kebebasan bersuara kepada pelajar. Mereka boleh memberikan pendapat dan berhujah di seminar, simposium dan sebagainya dengan syarat majlis tersebut tidak dianjurkan oleh tiga (3) entiti yang telah dijelaskan dalam perkara bersangkutan dengan kebebasan berpersatuan. Jika dahulu, kesalahan melanggar Akta 30 dikira sebagai suatu kesalahan jenayah. Namun, melalui pindaan yang dilakukan, kesalahan dan hukuman jenayah tersebut telah digantikan dengan prosiding dan hukuman tatertib. Perkara ini selaras dengan tujuan pendidikan iaitu untuk mendidik dan bukannya menghukum pelajar. Sekiranya pelajar membuat kesalahan jenayah, mereka tidak akan terlepas daripada undang-undang negara yang berkaitan seperti Kanun Keseksaan, Akta Polis 1967, Akta Hasutan 1948 dan sebagainya. Pindaan juga telah memansuhkan peruntukan berkenaan *presumption of guilt without conviction*.⁶⁵

PEMANSUHAN PERUNTUKAN PENGGANTUNGAN DAN PEMBUANGAN

Pindaan juga memansuhkan peruntukan berkenaan penggantungan atau pembuangan secara automatik sekiranya pelajar dituduh di bawah kesalahan jenayah atau disabit atau ditahan di bawah undang-undang pencegahan atau keselamatan dalam negeri. Pindaan ini memberi kuasa budi bicara kepada Naib Canselor untuk menggantung pelajar yang didakwa atau mengambil tindakan tatatertib terhadap pelajar yang disabitkan di bawah kesalahan boleh daftar iaitu kesalahan jenayah berat seperti mencuri, merogol, menculik dan sebagainya. Hak asasi pelajar kepada pendidikan juga dilindungi. Sebagai contoh, pelajar yang diletakkan di bawah tahanan atau dipenjarakan boleh dibenarkan mengambil peperiksaan dengan kelulusan Menteri Dalam Negeri. Hak pelajar juga dijamin

untuk mendapatkan perbicaraan tata tertib yang adil. Mereka diberikan hak untuk diwakili oleh mana-mana pekerja atau pelajar lain semasa kes perbicaraan dan hak untuk membuat representasi dan rayuan kepada Jawatankuasa Rayuan Tatatertib.⁶⁶

Walau bagaimanapun, Mahkamah Rayuan dalam kes *Muhammad Hilman Idham & Ors. v. Kerajaan Malaysia & Ors.* [2011] 9 CLJ 51; [2011] MLJU 768⁶⁷ telah memutuskan bahawa seksyen 15(5)(a) Akta 30 tidak berperlembagaan kerana bercanggah dengan Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan. Dalam kes tersebut, responden ketiga iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah membawa prosiding disiplin terhadap perayu-perayu, iaitu pelajar-pelajar jurusan sains politik di bawah seksyen 15(5)(a) Akta 30 kerana telah menghadirkan diri di Pilihan Raya Kecil Parlimen Hulu Selangor. Menurut seksyen 15(5)(a) tersebut, pelajar-pelajar dilarang untuk menyatakan atau membuat tindakan yang boleh ditafsirkan sebagai menunjuk sokongan atau bersimpati dengan atau menentang mana-mana parti politik. Perayu-perayu memohon deklarasi bahawa seksyen 15(5)(a) tersebut tidak sah kerana melanggar hak kebebasan bersuara dan menyuarakan pendapat yang telah dijamin di bawah Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan.

Hakim Hishamudin Yunus, dalam penghakimannya antara lain, menyebut bahawa mahkamah mempunyai kuasa untuk memeriksa sama ada sekatan yang dibuat oleh Parlimen terhadap Perkara 10(2)(a) adalah munasabah atau sebaliknya. Sekiranya tidak munasabah, mahkamah boleh mengisyiharkan peruntukan tersebut sebagai tidak mengikut perlembagaan dan seterusnya tidak sah dan terbatal. Hakim juga menyatakan bahawa seorang pelajar yang menunjukkan sokongan atau menentang mana-mana parti politik tidak akan merosakkan atau memberi kesan buruk kepada ketenteraman awam atau moraliti

